

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENGGUNA PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pengguna perkhidmatan bas Selangorku semenjak dilancarkan sehingga kini mengikut bangsa.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan warga tempatan diberi keutamaan untuk menggunakan perkhidmatan ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Perkhidmatan Bas Smart Selangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan bas secara percuma dan terbuka kepada seluruh rakyat Selangor di 11 Pihak Berkuasa Tempatan tanpa mengira latar belakang kaum ataupun bangsa. Oleh yang demikian, pengiraan jumlah penumpang adalah secara keseluruhan dan tidak mengikut pecahan bangsa.

Perkhidmatan Bas Smart Selangor mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dan sehingga kini terdapat 15 laluan telah diperkenalkan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Statistik penumpang Bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 8,831,429 orang dan pecahan penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

(a)	Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015)	: 546,661 penumpang
(b)	Tahun 2016	: 4,163,654 penumpang
(c)	Tahun 2017 (sehingga 30 Jun 2017)	: 4,121,114 penumpang

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memastikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dapat dinikmati oleh semua penduduk di Negeri Selangor. Warga tempatan seharusnya mengambil peluang ini untuk menggunakan sepenuhnya keistimewaan pengangkutan awam percuma yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Pihak Berkuasa Tempatan juga giat menjalankan hebahan serta promosi-promosi bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan bas Smart Selangor oleh rakyat Selangor khususnya warga tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN AHLI DEWAN NEGERI PEMBANGKANG

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang telah diguna pakai oleh Ahli Dewan Negeri Pembangkang pada tahun 2016 dan 2017.
- b) Adakah Kerajaan Negeri menerima sebarang surat rasmi daripada Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang menolak penggunaan peruntukan RM200,000?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM2,600,000.00 iaitu RM200,000.00 kepada setiap 13 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor bagi tujuan pelaksanaan projek kecil dan program mesra rakyat mulai tahun 2015.

Kerajaan Negeri meneruskan pemberian peruntukan kepada Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan pada tahun 2016 dan memandangkan masih tiada perbelanjaan dibuat sehingga bulan Mac 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10 / 2016 yang diadakan pada 16 Mac 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 11/2016 pada 23 Mac 2016 bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat berjumlah RM6,000.00 setiap bulan mulai bulan Mac 2016 hingga Disember 2016 (10 bulan) disalurkan ke akaun Pusat Perkhidmatan Masyarakat (PKM) termasuk akaun Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan bagi tujuan pengurusan pejabat melibatkan perbelanjaan berjumlah RM720,000.00 kepada 13 Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukan Kerajaan.

Selain perbelanjaan pengurusan pejabat tersebut, sejumlah RM152,259.97 telah dibelanjakan bagi tujuan lain selaras dengan SPP 02/2015 : Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor.

Bagi tahun 2017 pula, tiada perbelanjaan dibuat oleh mana-mana Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukan Kerajaan.

- b) Kerajaan Negeri tiada menerima sebarang surat rasmi daripada Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang menolak penggunaan peruntukan Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan berjumlah RM200,000.00 tersebut sejak ia mula diluluskan pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : ADAKAH PROJEK KHAS MIKRO BAGI MEMPASTIKAN BEKALAN
MAKANAN KELUARGA MENCUKUPI TERUTAMA DI KALA EKONOMI
NEGARA DAN PENGANGGURAN MENINGKAT?**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Khususnya bagi kawasan pinggiran bandar besar , adakah pakej khas spt benih sayur/buah, baja dll yang boleh disalurkan kepada ketua keluarga yang berminat?
- b) Apakah ada Projek khas sumber protein seperti ternakan ikan kecil kecilan di kawasan ramai golongan miskin?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai beberapa program yang mengkhususkan kawasan bandar/pinggir bandar untuk terlibat dalam pengeluaran makanan untuk keperluan isi rumah. Jabatan Pertanian mempunyai program pertanian bandar yang boleh membantu memberi pakej khas seperti baja, benih sayur dan buah kepada komuniti yang berminat. Selain daripada itu, pihak PBT juga turut menyediakan beberapa kemudahan seperti kebenaran menggunakan tanah PBT bagi tujuan bercucuk tanam.
- b) Jabatan Perikanan Selangor telah mengadakan program yang membekalkan satu set tangki akuaponik bagi peserta yang berminat. Tangki akuaponik membolehkan ternakan ikan dijalankan secara kecil-kecilan di kawasan rumah. Najis dan sisa makanan ikan ini pula boleh dijadikan sumber nutrien bagi sayur yang ditanam di atas tangki. Sehingga kini seramai 78 peserta telah mendapat manfaat daripada program yang dikelola oleh Jabatan Perikanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENDIDIKAN

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai lepasan SPM setiap tahun di Negeri Selangor semenjak 2008 hingga kini?
- b) Berapa peratus lepasan SPM yang memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam IPTA atau IPTS?
- c) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan bagi mereka yang tidak dapat masuk IPTA/ IPTS?

JAWAPAN:

- a) Mengikut data Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, bilangan lepasan SPM adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Lulusan SPM
2008	52,656
2009	57,117
2010	59,647
2011	61,476
2012	62,777
2013	60,308
2014	59,402
2015	56,052
2016	55,834

- b) Maklumat ini bukan berada di dalam bidang kuasa Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.
- c) Bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mereka yang tidak dapat masuk IPTA/IPTS antaranya ialah :

- i. Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan.
- ii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Mobile SPA, Penyelenggaraan Penyaman Udara, Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendul dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinikal Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal;
- iii. Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan; dan
- iv. Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor (PROGRES) merupakan program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : ISU RUMAH MENDAP DAN RETAK DI JALAN SP7/19 BANDAR
SAUJANA PUTRA JENJAROM DAERAH KUALA LANGAT SELANGOR**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri dan pemaju perumahan untuk membantu pemilik-pemilik rumah yang terlibat isu rumah mendap dan retak sepanjang Jalan SP7/19, Bandar Saujana Putra, Daerah Kuala Langat, Selangor ?
- b) Apakah punca-punca kejadian dikenalpasti mendapan yang telah berlaku disitu?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : CAJ PEMBANGUNAN KEPADA PEMAJU

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah caj pembangunan kepada pemaju yang dikutip dari 2013-2017 mengikut PBT?
- b) Mengapakah caj pembangunan ini dikenakan dan manfaat kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah caj pembangunan kepada pemaju dari tahun 2013 sehingga Mei 2017 mengikut PBT adalah sebanyak **RM 839,655,986.71** dan **butiran pecahan** adalah seperti di Jadual 1:-

PBT	Jumlah Caj Pembangunan Yang Dikenakan Kepada Pemaju Tahun 2013 – Mei 2017
	(RM)
MBSA	314,886,221.75
MBPJ	39,413,270.92
MPK	82,058,124.40
MPAJ	8,839,399.91
MPSJ	59,471,109.55
MPS	69,765,670.93
MPKj	102,417,348.30
MPSp	85,076,908.95

MDKL	25,062,250.00
MDHS	7,246,666.00
MDKS	36,098,281.00
MDSB	9,320,735.00
Jumlah	839,655,986.71

Jadual 1: Caj Pembangunan kepada pemaju yang diikuti dari tahun 2013 sehingga Mei 2017 di PBT-PBT Negeri Selangor

- b) Caj pemajuan atau caj pembangunan dibawah Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172) merupakan bayaran yang dikenakan kepada pemajusekiranya terdapat Rancangan Tempatan (RT) atau Pengubahan Rancangan Tempatan di sesuatu kawasan PBT. Bagi Negeri Selangor, kadar caj pemajuan ini ditetapkan melalui Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010.

Tujuan utama caj pemajuan ini dikenakan adalah untuk menampung peruntukan sedia ada PBT dan seterusnya membantu di dalam mempertingkatkan infrastruktur dan membina baru serta membaikpulih kemudahan awam di kawasan PBT bagi kesejahteraan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : KEGIATAN PERMAINAN WANG (*MONEY GAME*)

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan atau peranan yang boleh dimainkan oleh PBT terhadap kegiatan permainan wang (money game)?
- b) Nyatakan maklumat lesen perniagaan dan lokasi bagi syarikat-syarikat pelaburan yang tidak diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia ataupun syarikat "money game" mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) PBT hanya mengeluarkan **Lesen Pejabat Urusan** bagi pemohon yang ingin memulakan perniagaan seperti pejabat-pejabat syarikat persendirian, ejen insurans, bank, dan sebagainya. Sebarang penyalahgunaan terhadap lesen yang dikeluarkan oleh PBT, tindakan pembatalan lesen akan dilakukan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDNKK), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia atau agensi-agensi lain yang mempunyai kuasa mengesahkan aktiviti yang menyalahi dari sudut perundangan. Sekiranya didapati berlakunya aktiviti yang melibatkan perjudian dan aktiviti dapat dibuktikan berlaku semasa pemeriksaan dibuat, tindakan merampas peralatan tersebut.
- b) PBT tidak mempunyai maklumat mengenai lesen perniagaan dan lokasi bagi syarikat-syarikat pelaburan yang tidak diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia ataupun syarikat *money game*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBERIAN BORANG 5A BAGI KAMPUNG MASJID PEKAN SUNGAI
BULOH DI BAWAH PEJABAT TANAH DAERAH GOMBAK**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jabatan teknikal manakah yang masih belum mengeluarkan laporan berhubung permohonan tanah tersebut sedangkan ia hanya melibatkan permohonan yang sedikit?
- b) Apakah Pejabat Tanah Daerah Gombak dapat memberikan Borang 5A kepada semua pemohon sebelum bulan Ogos 2017 ini?

JAWAPAN:

- a) Permohonan pemberimilikan bagi tujuan kediaman di Kampung Masjid yang melibatkan seramai lima belas (15) pemohon sedang diproses bagi tujuan penyediaan Kertas Ringkasan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG). PDTG telah menerima ulasan dari kesemua jabatan teknikal berhubung permohonan di kawasan ini.
- b) Notis 5A belum boleh dikeluarkan lagi memandangkan proses pemberimilikan masih berjalan dan hanya akan dikemukakan kepada pemohon selepas PDTG menerima keputusan daripada MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH KDEB

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perbezaan pengurusan sisa pepejal oleh KDEB dari segi mekanisme, kos, pemantauan dan keberkesanan dalam penyelesaian aduan rakyat tentang sampah di MPK, MPS dan MPAJ?
- b) Berapa jumlah sampah domestik, komersil dan industri yang dikutip mengikut pecahan PBT bagi tempoh 2008-2017?

JAWAPAN:

a), b)

Seperti semua sedia maklum, KDEBWM, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri telah dilantik sebagai PMC bagi menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu. Daerah Klang di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah dipilih sebagai projek perintis dan KDEBWM telah memulakan operasinya di Klang bermula pada 1 Julai 2016 yang lalu. Seterusnya pada 1 Mac 2017, KDEBWM telah melebarkan sayapnya di dua lagi PBT apabila dilantik sebagai PMC di Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Sememangnya terdapat perbezaan yang amat ketara dari segi mekanisme, kos, pemantauan dan keberkesanan dalam penyelesaian aduan rakyat tentang sampah di MPK, MPS dan MPAJ. KDEBWM sememangnya berbeza jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat konsesi pengurusan pepejal yang lain. Perbezaan yang paling ketara ialah KDEBWM merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri sendiri yang sentiasa menyokong dan mendokong penuh aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Selangor sentiasa bersih dan sihat. Ini berbeza jika dibandingkan dengan syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal lain yang lebih berorientasikan keuntungan. Sebagai anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, KDEBWM meletakkan matlamat utama untuk membantu Kerajaan Negeri menguruskan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dengan efektif dan efisien. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh KDEBWM akan akhirnya dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang

saham utama dalam bentuk dividen dan sumbangan dalam bentuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR.

Dari segi kos, peruntukan yang disalurkan kepada KDEBWM untuk menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di setiap PBT adalah berdasarkan bajet yang diluluskan oleh PBT tersebut. Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan peruntukan tambahan, KDEBWM akan membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). KDEBWM juga menguruskan sendiri urusan pinjaman dengan bank-bank komersial bagi membeli lori-lori kompaktor dan lori RORO yang baru yang akan diserahkan kepada sub-kontraktor yang telah dilantik. Semua sub-kontraktor ini yang telah diberikan lori kompaktor dan RORO baru KDEBWM perlu membayar sewa bulanan pada kadar yang munasabah selama lima tahun dan semua lori-lori ini akan dipindah milik kepada sub-kontraktor tersebut pada tahun keenam. Model perniagaan seperti ini tidak pernah dipraktikkan oleh mana-mana syarikat konsesi sisa pepejal dan KDEBWM merupakan syarikat yang pertama mengguna pakai model perniagaan ini. Melalui model perniagaan seperti ini, kontraktor akan menggunakan lori kompaktor dan RORO baru untuk menjalankan kerja-kerja kutipan dan sekaligus dapat menyelesaikan isu-isu tipikal seperti lori yang kerap rosak, tumpahan air *leacheate*, pelepasan asap yang tidak terkawal dan sebagainya sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Dari segi pemantauan dan keberkesanan dalam penyelesaian aduan rakyat tentang sampah, KDEBWM telah mewujudkan sebuah Pusat Aduan Setempat yang dikenali sebagai *Centralized Command Center* (CCC) bagi menerima dan menyalurkan semua aduan yang diterima kepada Penyelia Kawasan KDEBWM. CCC juga akan memantau semua pergerakan lori baru KDEBWM yang dilengkapi dengan *Automatic Vehicle Locating System* (AVLS) dan kamera litar tertutup (CCTV) secara *real time*. Melalui penggunaan sistem dan gajet-gajet berteknologi tinggi ini, semua aduan yang diterima akan dapat ditangani dengan segera kerana perjalanan operasi dipantau dengan sistematik dan berkesan di CCC. Penduduk di semua PBT yang mendapat perkhidmatan KDEBWM juga boleh menyalurkan aduan mereka melalui aplikasi *iClean* yang telah diwujudkan bagi mempelbagaikan dan mempermudah kaedah penyaluran aduan. Semua aduan-aduan yang diterima akan diambil tindakan segera dalam tempoh 24 jam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : RUMAH UNTUK PENDUDUK FLAT TAMAN PERMATA DENGKIL

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah projek kesejahteraan rakyat ini akan boleh mula dibina?
- b) Adakah kelulusan kebolehan merancang sudah diperolehi oleh pihak kontraktor untuk memulakan projek ini?

JAWAPAN:

- a) dan (b) akan dijawab bersekali

Untuk *makluman* Yang Berhormat Dengkil, projek ini adalah merupakan projek bersama di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Pusat di mana Kerajaan Negeri hanyalah berperanan untuk menyediakan tapak tanah bagi membina perumahan yang baru kepada bekas – bekas pekerja ladang yang diarahkan keluar dari kawasan Putrajaya yang melibatkan beberapa ladang iaitu Ladang Medigley, Ladang Perang Besar, Ladang Sedgley dan Ladang Galloway di atas dasar memperjuangkan hak dan kebajikan pekerja ladang. Pengambilan tanah seluas 30 ekar yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri tersebut telah menelan kos sebanyak RM12.14 juta dan telah diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor di mana tanah tersebut telah diserahkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan kerja – kerja pembangunan selanjutnya.

Untuk sementara waktu, pekerja – pekerja ladang tersebut telah ditempatkan di penempatan sementara di Flat Taman Permata, Dengkil, Sepang sebelum dipindahkan ke perumahan yang baru di Ampar Tenang yang akan dibina oleh KPKT di peringkat pusat.

Sehubungan dengan itu, semakan yang telah dibuat mendapati bahawa pihak KPKT akan mengadakan Majlis Pecah Tanah pada 26 Julai 2017 dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Sepang (MPSp). Manakala Kebenaran Merancang (KM) Projek Perumahan Rakyat Ampar Tenang, Taman Permata Dengkil ini telah diluluskan dengan bersyarat melalui Mesyuarat *One*

Stop Centre (OSC), Majlis Perbandaran Sepang bil. 13/2017 yang telah diadakan pada 5 Julai 2017.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, perkara - perkara yang berkaitan dengan pembinaan di bawah Projek Kesejahteraan Rakyat ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKKAN MARRIS

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukkan MARRIS yang diperuntukkan kepada setiap jabatan/agensi.
- b) Adakah kerajaan bersedia memberi peruntukkan tambahan kepada mana-mana jabatan/agensi yang telah membelanjakan keseluruhan peruntukkan yang di berikan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukkan MARRIS yang telah diperuntukkan kepada setiap jabatan/agensi bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:-

Jabatan	Siling Peruntukan MARRIS 2017		
	Asal (RM)	Penyelarasan (RM)	Dikemaskini (RM)
Jabatan Kerja Raya	196,000,000.00	0.00	196,000,000.00
Jabatan Pengairan dan Saliran	2,000,000.00	2,000,000.00	4,000,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah	29,696,557.00	(2,000,000.00)*	27,696,557.00
Pihak Berkuasa Tempatan	372,303,443.00	10,208,294.00	382,511,737.00
Jumlah Keseluruhan	600,000,000.00	10,208,294.00	610,208,294.00

Nota: Setakat 30 Jun 2017

*Sejumlah RM2 juta peruntukan di bawah PDT Sabak Bernam telah diserahkan kepada JPS Selangor khusus untuk pembaikan Jalan Pertanian.

- b) Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor telah mempertimbangkan beberapa permohonan untuk mendapatkan peruntukkan tambahan di bawah Geran MARRIS kepada jabatan/agensi yang telah membelanjakan keseluruhan peruntukan MARRIS pada tahun semasa khususnya bagi membiayai kerja-kerja kecemasan dan *ad-hoc* yang mematuhi skop dan Garis Panduan MARRIS tertakluk kepada justifikasi yang dikemukakan oleh jabatan/agensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : FAEDAH KEPADA GOLONGAN PETANI DAN NELAYAN

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah purata pendapatan golongan petani dan nelayan di Selangor?
- b) Apakah faedah yang diterima oleh golongan penting petani dan nelayan dengan dasar kerajaan negeri yang ada pada hari ini?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk menambah skim IPR khusus bagi golongan ini?

JAWAPAN:

- a) Secara puratanya, pendapatan golongan petani dan nelayan di Negeri Selangor adalah melebihi RM1,500.00 sebulan. Walau bagaimanapun, masih terdapat golongan tersebut yang memperoleh pendapatan kurang dari RM1,500.00 khususnya golongan nelayan dan petani tradisional.
- b) Melalui dasar Peduli Rakyat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada ketika ini, golongan-golongan tersebut akan terus diberikan bantuan bagi membantu mengurangkan kos operasi mereka dan dalam masa yang sama akan meningkat hasil usaha mereka. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti input-input pertanian iaitu baja dan racun untuk golongan petani manakala bagi golongan nelayan pula mereka diberikan bantuan berbentuk peralatan menangkap ikan seperti jaring dan sistem Kedudukan Sejagat atau *Global Positioning System (GPS)*.
- c) Pertambahan bantuan kepada golongan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Sesungguhnya adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk sentiasa mengenalpasti apakah jenis bantuan yang boleh diberikan kepada lebih ramai golongan petani dan nelayan agar mereka sentiasa dibela dan diberikan perhatian memandangkan golongan tersebut adalah merupakan penyedia sumber makanan utama di dalam Negeri Selangor mahupun Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PROGRAM SMART SELANGOR

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor berpuas hati dengan program Smart Selangor setakat ini?
- b) Apakah program yang telah berjalan?
- c) Apakah perancangan jangka panjang program ini?

JAWAPAN:

- a) Program Smart Selangor telah mula memberikan beberapa kesan positif kepada sistem penyampaian kerajaan negeri bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Pendekatan yang diambil untuk menjayakan inisiatif di bawah Smart Selangor bermula dengan pembangunan konsep dan ide beberapa *smart solutions* yang dirangka bersama dengan agensi atau PBT untuk bagi menangani permasalahan yang dihadapi rakyat. Smart solutions ini kemudiannya akan diuji menerusi beberapa projek perintis (*pilot projects*) bersama beberapa kumpulan sasar di PBT mahupun agensi untuk satu tempoh masa yang ditentukan. Sekiranya projek perintis ini berjaya menepati beberapa piawaian utama yang ditetapkan dan berkesan, maka penggunaan *smart solutions* ini akan dikembangkan ke kawasan yang lebih luas atau ke seluruh negeri Selangor. Kejayaan penggunaan *smart solutions* ini bukan sahaja terletak kepada kecanggihan teknologi yang diuji tetapi juga kepada kemudahan penggunaannya dan penerimaan oleh rakyat.

Di antara contoh yang boleh dinyatakan adalah pengurusan sisa pepejal di Majlis Perbandaran Klang dan Ampang Jaya di mana jumlah aduan kutipan telah berjaya dikurangkan secara mendadak selepas 3 bulan beroperasi menerusi sistem *iClean*, serta pengurusan pelaporan jalan berlubang yang dijalankan menerusi aplikasi *Waze* di mana pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang telah mencatatkan pencapaian hampir 90% dalam memperbaiki masalah jalan berlubang yang dilaporkan oleh para pengguna.

Kejayaan kedua-dua program ini amat bergantung kepada jumlah pelaporan yang dibuat oleh rakyat menerusi aplikasi *iClean* dan *Waze* yang menggunakan telefon

pintar berasaskan konsep *crowdsourcing* dan *mass collaboration* yang berterusan di antara rakyat dan kerajaan.

- b) Aktiviti utama pada tahun 2016 adalah penyediaan Blueprint Smart Selangor yang kini sedang dikemaskini dengan mengambilkira beberapa inisiatif terkini di peringkat negeri. Blueprint ini bakal siap pada hujung tahun 2017.

Untuk tahun 2016 dan 2017 juga, beberapa projek perintis telah dilaksanakan di bawah program Smart Selangor yang merangkumi beberapa domain di bawah 12 domain utama.

Projek-projek perintis ini adalah:

1. Projek perintis Pengurusan Sisa Pepejal di Majlis Perbandaran Klang pada 1 Julai 2016 menerusi KDEB Waste Management Sdn Bhd. Pihak kerajaan amat berpuashati dengan kejayaan projek ini dan telah bersetuju untuk mengembangkan perkhidmatan ini kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang pada 1 Mac 2017.
2. Program pelaporan *potholes* menggunakan aplikasi *Waze* di antara 7 PBT (iaitu MBPJ, MBSA, MPK, MPAJ, MPKj, MPS dan MPSJ) dan MBI. Program ini telah dijalankan secara tersusun bermula Januari 2017. Pihak SSDU juga telahpun membina sebuah paparan *analytics* yang akan mempercepatkan lagi operasi pembaikan potholes ini bagi pihak PBT.
3. Program pembangunan aplikasi pekongsian ide di antara rakyat dan kerajaan yang sedang di uji di tiga buah DUN iaitu Kajang, Sungai Pinang dan Seri Setia bermula Mei 2017.
4. Pembangunan aplikasi yang akan membolehkan pelaporan lampu isyarat jalanraya yang bermasalah di negeri Selangor yang dijangka siap pada bulan September 2017.
5. Projek perintis *Safe Community* yang akan dilancarkan bersama jawatankuasa penduduk dan MBPJ di SS 21 Damansara Utama pada bulan Oktober 2017.
6. Program pembangunan *Smart Selangor Command Centre* di Plaza Perangsang yang akan dioperasikan pada bulan Ogos 2017 oleh SSDU bersama beberapa agensi utama seperti Unit Pengurusan Bencana, PBT dan KDEB Waste Management.
7. Projek pembangunan aplikasi waktu ketibaan bas Smart Selangor di perhentian bas Smart Selangor yang akan siap pada bulan Ogos 2017 di beberapa laluan terpilih di PBT.

8. Pembangunan sistem *Internet of Things* bagi mengukur *Air Quality Index* secara *real-time* yang akan dioperasikan di 80 lokasi terpilih seluruh negeri Selangor. Sistem ini akan dilancarkan secara berperingkat bermula Ogos 2017.
- c) Visi Smart Selangor adalah untuk Selangor mencapai taraf *Smart State* terunggul di ASEAN pada tahun 2025. *Smart State* yang bakal dicapai adalah sebuah negeri yang mempunyai sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan pengurusan maklum balas rakyat yang baik, ekonomi yang terus berkembang menerusi bidang-bidang ekonomi baru, mampu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat, berupaya membangunkan infrastruktur baru dan keupayaan sumber tenaga manusia yang akan terus memacu pembangunan negeri, dan mendokong prinsip keadilan sosial (*social justice*) dalam pelaksanaan polisi negeri untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyat.

Projek-projek perintis yang menguji beberapa *smart solutions* wajar diperbesarkan dan digunapakai di lebih banyak tempat di negeri Selangor sekiranya berkesan dan berjaya. Kesan positif daripada penggunaan *smart solutions* ini akan menjadi lebih nyata sekiranya pihak kerajaan dapat memastikan penggunaan yang lebih menyeluruh dengan penglibatan lebih ramai rakyat. Perlu ditegaskan bahawa program Smart Selangor ini bukan hanya tertumpu kepada pembangunan dan penggunaan teknologi canggih terkini sahaja tetapi juga memastikan bahawa teknologi ini akan memberi kemudahan dan diterima oleh rakyat.

Pada akhirnya, data yang dikumpulkan daripada saluran Smart Selangor ini akan digunapakai untuk menjana dasar-dasar kerajaan yang lebih ke hadapan berdasarkan fakta dan angka-angka terkini.

Dalam masa terdekat ini, kerajaan negeri, menerusi beberapa anak syarikat milik negeri sedang meneliti beberapa inisiatif *green field*, di mana beberapa *Smart Cities* dan *Smart Township* bertaraf antarabangsa akan diwujudkan untuk memperhebatkan lagi penggunaan dan pembangunan teknologi *Smart Cities* terkini di samping mewujudkan *Smart Communities* yang akan memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi untuk negeri Selangor. Dalam kata lain sesuai dikatakan bahawa inisiatif Smart Selangor ini juga akan menjadi pelan pembangunan ekonomi untuk negeri Selangor.

Kejayaan mencapai taraf *Smart State* ini bukan sahaja akan meletakkan negeri Selangor standing dengan *Smart State* dan *Smart Cities* lain di dunia malah ianya juga akan membina keupayaan kerajaan dalam merangka dasar-dasar ke hadapan berdasarkan angka dan fakta yang lebih tepat serta menjanjikan taraf kehidupan dan punca pendapatan yang lebih memartabatkan untuk rakyat negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : EMPANGAN AIR

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan paras air terkini semua empangan di Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina empangan baru disebabkan peningkatan penggunaan air di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod data pemantauan '*Integrated Water Resources Information System, IWRIMS LUAS*', adalah didapati paras air di tujuh(7) empangan Negeri Selangor dalam keadaan baik dan jangka hayat takungan empangan mampu menampung bekalan air bagi semua muka sauk melebihi tempoh tiga (3) bulan akan datang. Perincian paras air empangan di Negeri Selangor sehingga 13 Julai 2017 adalah seperti berikut :

Bil.	Empangan	Paras air (m)	Kapasiti Takungan (%)	Jumlah Kapasiti (Juta Meter Padu)
1.	Batu	100.11	83.11	26.57
2.	Semenyih	111.04	100.25	59.22
3.	Sungai Langat	221.06	100	34.10
4.	Klang Gates	95.98	100	25.34
5.	Sungai Selangor	220.18	100	230
6.	Tasik Subang	38.11	95.32	4.01
7.	Sungai Tinggi	59.54	100.27	114.81

- b) Berdasarkan peningkatan kadar permintaan air di Negeri Selangor dan Lembah Klang bagi bekalan air domestik dan industri, Kerajaan Negeri berpandangan pendekatan penggunaan kolam takungan hiliran (*Downstream Storage*) dan '*Off-River Storage, ORS*' yang mana juga adalah berfungsi seperti empangan di hilir lebih bersesuaian untuk dilaksanakan dan ianya juga adalah *cost-effective*. Konsep ORS ini mengaplikasikan kolam sumber air alternatif sedia ada berhampiran sungai sebagai medium penstoran air bagi tujuan bekalan kepada

Loji Pembersihan Air (LPA). Sehubungan itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air mencukupi seperti berikut :

1. Pelaksanaan Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) di Bestari Jaya dengan kapasiti sehingga 1,000 juta liter sehari (JLH) yang telah berjaya meningkatkan kapasiti Sungai Selangor semasa paras air rendah bagi operasi muka sauk LPA Sungai Selangor;
2. Pembangunan '*Hybrid of River Augmentation System, HORAS 600*' dengan kapasiti 600 Juta Liter/Hari untuk dibekalkan kepada LPA Sungai Selangor yang kini diperingkat pelaksanaan;
3. Pembangunan LPA Labohan Dagang dengan kapasiti 400 JLH menggunakan konsep ORS di Sungai Langat yang kini diperingkat pelaksanaan; dan
4. Pembangunan LPA Semenyih 2 dengan kapasiti 100 JLH menggunakan konsep ORS di Sungai Semenyih yang kini diperingkat pelaksanaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN DI SELANGOR

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Stadium mini MPAJ di Pandan Perdana akan siap?
- b) Berapakah pejabat agensi kerajaan Selangor dilengkapi dengan kemudahan sukan atau bilik "gym"?
- c) Berapakah padang yang telah dilengkapi dengan kemudahan sukan di DUN Teratai dalam tahun 2013-2017?

JAWAPAN:

- a) Stadium MPAJ dijangka siap pada 30 November 2017
- b) Pihak Kerajaan Negeri tidak dapat mengenalpasti secara keseluruhan kelengkapan atau kemudahan gym yang terdapat di agensi Kerajaan Selangor kerana tidak semua jabatan memerlukan kelengkapan tersebut. Walau bagaimanapun, keperluan kemudahan sukan atau bilik gym ini bergantung kepada keperluan jabatan masing-masing
- c)

KEMUDAHAN	2013	2014	2015	2016	2017
Gelanggang	13	14	14	14	14
Futsal	7	8	8	8	8
Padang Bola	9	10	10	10	10
Padang Permainan	28	29	30	30	30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU BANJIR KILAT DI HULU LANGAT

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikutan berlaku bencana banjir kilat di DUN Dusun Tua pada 17.6.2017 yang mengakibatkan kematian, kerosakan harta benda, dan jalan terputus, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat kajian menyeluruh dan bersepadu bagi mengambil langkah yang berkesan?
- b) Jika tidak, apakah langkah alternatif?

JAWAPAN:

- a) Hasil kajian hidraulik dan hidrologi oleh pakar dari JPS mendapati kadar hujan yang turun di daerah Hulu Langat bermula dari Batu 23 (upstream) ke Batu 10 (downstream) pada hari kejadian adalah melebihi 82 ARI (Annual Rainfall Intensity) dalam tempoh 2 jam hujan.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 41.0 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat. JPS Ibu Pejabat Malaysia kini dalam proses perlantikan perunding dan jurukur. Pelaksanaan projek akan diberi keutamaan bermula dari Daerah Hulu Langat melalui Daerah Sepang ke Daerah Kuala Langat. Pecahan kos peruntukan akan dimuktamadkan selepas perlantikan perunding.

Laporan Banjir tersebut adalah seperti di lampiran 1 (LAPORAN BANJIR SELANGOR). Untuk makluman, laporan banjir ini akan dihantar ke Bahagian Bencana Negeri dan juga Bahagian Hidrologi JPS Malaysia setiap kali berlaku banjir untuk tujuan rekod.

- b) Antara langkah alternatif atau tindakan segera daripada JPS Daerah adalah mengeluarkan kerja-kerja kecemasan dengan anggaran kos RM500,000.00 dengan pecahan 25 kerja segera dengan 10 jentera telah dikerahkan pada 18 Jun 2017.

- c) JPS Selangor telah mengambil tindakan segera dengan jumlah peruntukan RM 1.4 juta keseluruhan untuk Parlimen Hulu Langat bagi mengatasi masalah banjir dan kerosakan selepas kejadian banjir pada 17 Jun 2017.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Pecahan kerja segera:

1. Kerja-kerja mencuci gali Sungai Lui – 2 kerja
2. Kerja-kerja mencuci gali Sungai Perdik – 2 kerja
3. Kerja-kerja mencuci gali Sungai Serai – 2 kerja
4. Kerja-kerja mencuci gali Sungai Jernih – 2 kerja
5. Kerja-kerja mencuci gali Sungai Michu – 2 kerja
6. Pecahan kerja sepanjang 15km di Sungai Langat – 15 kerja

Pecahan kerja kecemasan:

Kerja-kerja yang melibatkan skop dan struktur-struktur utama yang rosak contohnya tebing sungai, jambatan JPS dan berkaitan telah dipanggil sebutharga seperti berikut ;

TAJUK	KOS
KERJA-KERJA KECEMASAN DI LUAR JANGKA SUNGAI LANGAT BAGI MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DAN PEMBETUNG DI KG DUSUN TUA,MUKIM HULU LANGAT,DAERAH HULU LANGAT	250,000.00
KERJA-KERJA KECEMASAN DI LUAR JANGKA SUNGAI LUI BAGI MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DAN PEMBETUNG DI KG SUNGAI LUI,MUKIM HULU LANGAT,DAERAH HULU LANGAT	250,000.00
KERJA-KERJA PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR (PENSTABILAN TEBING) SUNGAI LANGAT DI BATU 13, MUKIM HULU LANGAT, DAERAH HULU LANGAT	400,000.00
KERJA-KERJA PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR (PENSTABILAN TEBING) SUNGAI LANGAT DI BATU 17, MUKIM HULU LANGAT, DAERAH HULU LANGAT	500,000.00
JUMLAH	1,400,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SELANGOR KE DEPAN DALAM PENCIPTAAN PEKERJAAN BARU

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor telah muncul teratas dalam penciptaan pekerjaan baru. Apakah sektor yang menyumbang kepada penciptaan pekerjaan baru tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan statistik pelaburan bagi tahun 2016, Selangor mencatatkan jumlah peluang pekerjaan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Antara sektor yang menyumbang kepada penciptaan pekerjaan baru tersebut seperti;-
- i. Industri Pembuatan Barangan Kelengkapan Pengangkutan.
 - ii. Industri Pembuatan Barangan Berasaskan Getah.
 - iii. Industri Pembuatan Barangan Logam Dibentuk
 - iv. Industri Pembuatan Barangan Makanan
 - v. Industri pembuatan Barangan Peralatan dan Mesin.

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Negeri Selangor Mengikut Kategori Industri Bagi Tahun 2016

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan(RM)
Transport Equipment	30	5,471	1,402,756,435	1,440,796,108	2,843,552,543
Rubber Products	13	2,637	217,424,139	185,469,632	402,893,771
Fabricated Metal Products	30	1,577	333,960,077	303,810,796	637,770,873
Food Manufacturing	29	1,294	498,228,474	537,316,642	1,035,545,116
Machinery & Equipment	39	1,227	501,986,470	100,250,780	602,237,250
Plastic Products	17	999	163,691,405	181,096,582	344,787,987
Electronics &	18	919	146,361,869	41,798,734	188,160,603

Electrical Products					
Chemical & Chemical Products	18	594	543,809,137	89,356,210	633,165,347
Non-Metallic Mineral Products	9	385	147,347,528	131,348,866	278,696,394
Miscellaneous	4	284	89,082,715	6,277,050	95,359,765
Furniture & Fixtures	8	225	34,659,391	2,420,600	37,079,991
Basic Metal Products	8	214	183,470,582	95,287,352	278,757,934
Scientific & Measuring Equipment	6	182	65,724,671	15,800,000	81,524,671
Wood & Wood Products	6	143	51,793,475	14,700,000	66,493,475
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	4	135	148,823,440	196,674,880	345,498,320
Leather & Leather Products	1	76	0	6,120,000	6,120,000
Paper, Printing & Publishing	2	65	0	3,123,335	3,123,335
Textiles & Textiles Product					0
Beverages & Tobacco					0
Jumlah	242	16,427	4,529,119,808	3,351,647,567	7,880,767,375

* Sumber : Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG BERDAYA TAHAN

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka masa panjang bagi pengurusan yang efisien?
- b) Apakah ukuran terhadap ketahanan perancangan ini?
- c) Bagaimanakah prestasi KDEB Waste Management Sdn Bhd setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat adalah melalui penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor.

Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah dipilih sebagai projek perintis (*pilot project*). Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, model PMC ini telah diperluaskan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang efektif dan efisien ke arah membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Kerajaan Negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain PBT pada masa akan datang.

Dari segi pengurusan tapak pelupusan, Kerajaan Negeri turut telah bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor.


ISWMC ini merupakan satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

1. Loji *Waste To Energy* (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
6. Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

- b) Langkah penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor bagi meningkatkan kecekapan operasi merupakan langkah yang baru dilaksanakan dan masih di peringkat awalan. Pelaksanaannya yang sedang dilaksanakan secara berperingkat belum membolehkan sebarang penilaian secara keseluruhan dibuat terhadap keberkesanan langkah ini. Walau bagaimanapun, pada ketika ini, jumlah aduan yang diterima digunakan sebagai pengukur untuk melihat keberkesanannya di PBT-PBT yang terlibat, dan berdasarkan kepada jumlah aduan, didapati pelaksanaan PMC ini adalah begitu positif.

Sehingga Jun 2017, statistik aduan di ketiga-tiga PBT adalah seperti berikut:



- c) Sepanjang pengambilalihan operasi pengurusan sisa pepejal di ketiga-tiga PBT, KDEBWM telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pengurusan sisa pepejal di PBT-PBT berkenaan iaitu:
- a. pemberian lori kompaktor baru yang dilengkapi sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, kamera undur dan CCTV kepada sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa-beli;
 - b. penggunaan sebuah lori kompaktor baru di setiap zon (1 lori 1 zon);
 - c. pewujudan *Centralized Command Centre (CCC)* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan sisa pepejal KDEBWM dalam menerima aduan serta pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan;
 - d. penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan (*tracker*) bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori kompaktor;
 - e. penggunaan Aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan; dan
 - f. penggunaan aset-aset lain selain kompaktor seperti RORO dan *tricycle* sebagai aset sokongan.

Usaha penambahbaikan dan pemodenan infratraktur kutipan yang dilaksanakan oleh KDEBWM adalah bertepatan dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Penggunaan aplikasi dan teknologi dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor bukan sahaja merealisasikan objektif kerajaan negeri untuk membangunkan persekitaran dan infrastruktur yang lebih mampan, bahkan akan turut menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan bagi menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik untuk rakyat.

- c) Secara umumnya KDEB Waste telah menunjukkan prestasi yang baik setakat ini di tiga (3) PBT yang telah melantik KDEB Waste sebagai *Project Management Company* atau PMC. Berdasarkan maklumbalas yang diperolehi secara rambang daripada rakyat di Klang, mereka telah memberikan komen yang positif terhadap mutu perkhidmatan KDEB Waste di daerah tersebut. Pada peringkat awal KDEB Waste mengambil alih kerja-kerja kutipan sampah domestik dari Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada bulan Julai 2016, secara purata KDEB Waste telah menerima sebanyak 27 aduan sehari. Pada bulan Ogos 2016, purata jumlah aduan harian di Klang telah menurun secara drastik kepada hanya 8 aduan sehari. Pada sekitar bulan September 2016 hingga Jun

2017, purata jumlah aduan harian yang direkodkan oleh *Centralized Command Center* (CCC) KDEB Waste adalah di antara 0 hingga 4 aduan sahaja sehari. Berdasarkan statistik aduan yang diterima, KDEB Waste telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan di Klang. Kini skop KDEB Waste di Klang turut diperluaskan ke perkhidmatan pembersihan awam bermula pada 1 Mac 2017 dan setakat ini, KDEB Waste telah menunjukkan peningkatan prestasi dari hari ke hari.

Bagi kawasan Ampang Jaya pula, KDEB Waste yang telah memulakan perkhidmatannya pada 1 Mac 2017 telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Ini terbukti apabila operasi kutipan sampah domestik di Ampang Jaya telah berjaya distabilkan sepenuhnya dalam masa sebulan saja oleh KDEB Waste berbanding tiga (3) bulan pada kebiasaannya apabila berlaku pertukaran kontraktor yang melakukan kerja-kerja kutipan sampah domestik. Pada bulan pertama KDEB Waste berkhidmat di Ampang, jumlah aduan yang direkodkan adalah sebanyak 225 aduan. Jumlah aduan ini menurun secara drastik sebanyak 17 aduan sahaja pada bulan April 2017 dan terus menurun pada bulan Mei iaitu sebanyak 10 aduan. Yang terkini pada bulan Jun 2017, jumlah aduan yang direkodkan hanya 6 aduan sahaja. Saya juga amat berpuas hati dengan maklum balas atau respond KDEB Waste terhadap aduan yang diterima apabila semua aduan dapat diselesaikan segera pada hari yang sama tanpa mengira waktu.

Bagi kawasan Selayang, KDEB Waste telah mula menunjukkan peningkatan prestasi dari hari ke hari. Skop perkhidmatan KDEB Waste di kawasan Selayang adalah berbeza berbanding di Klang dan di Ampang Jaya. Di Selayang, kutipan sampah pukal adalah termasuk di dalam skop KDEB. Di Klang dan di Ampang Jaya, skop sampah pukal adalah di bawah kontraktor pembersihan awam. Jumlah aduan yang direkodkan di Selayang bagi bulan Mac 2017 adalah sebanyak 1300 aduan. Jumlah aduan ini menurun secara berperingkat kepada 441 aduan bagi bulan April, 371 aduan bagi bulan Mei dan terkini sebanyak 131 aduan sahaja bagi bulan Jun 2017. Tambahan skop sampah pukal, pembangunan rumah-rumah sewa yang tidak terkawal khususnya di kawasan-kawasan kampung, pembuangan sampah haram yang berleluasa, kawasan yang besar, masalah lori yang dihadapi oleh sub-kontraktor merupakan antara punca kawasan Selayang masih mencatatkan aduan yang agak tinggi berbanding di Klang dan Ampang Jaya. Saya yakin kawasan Selayang akan dapat distabilkan dalam masa terdekat apabila KDEB Waste menyerahkan lori-lori kompaktor dan RORO baru kepada semua sub-kontraktor mereka. Penggunaan lori-lori kompaktor dan RORO baru ini akan menyelesaikan isu-isu seperti lori kerap rosak, tumpahan air *leachate*, kapasiti muatan yang terhad dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, saya juga menyeru pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) untuk meningkatkan operasi penguatkuasaan bagi menyelesaikan isu sampah haram yang berleluasa di Selayang. Saya yakin dengan kerjasama yang erat di antara KDEB Waste dan MPS segala permasalahan sampah yang dihadapi di Selayang dapat di atasi dengan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : SKIM BANTUAN ASUHAN RAKYAT (SIKEMBAR)

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pusat asuhan yang terlibat dalam program ini?
- b) Nyatakan jumlah kanak-kanak yang terlibat sejak program ini dilaksanakan?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan semenjak diperkenalkan?

JAWAPAN:

a), (b) dan (c) akan dijawab bersekali.

Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR) merupakan skim bantuan kepada kanak-kanak dibawah usia 4 tahun yang diberikan kepada ibu bapa yang layak dan memenuhi syarat dan akan menerima bantuan yuran TASKA atau Nurseri sebanyak RM100 pada setiap bulan. Bantuan yuran tersebut akan dibayar terus kepada TASKA atau Nurseri bagi tujuan meringankan beban keluarga untuk menghantar anak mereka ke taska yang berdaftar.

Sehingga Jun 2017, terdapat 230 buah taska yang telah menyertai program ini dengan penglibatan seramai 3,065 orang kanak-kanak yang telah menerima manfaat daripada Kerajaan Negeri. Sebanyak **RM2,681,630.00** telah dibelanjakan bagi tujuan ini untuk memastikan rakyat bersama-sama dapat menerima manfaat selayaknya dan menikmati hasil kekayaan Negeri Selangor tanpa mengira perbezaan agama, kaum mahupun fahaman politik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu.
- b) Sila huraikan sejauh manakah tempias cukai GST dan inflasi terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor.
- c) Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh?

JAWAPAN:

- a) Rizab negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2015, 31 Disember 2016 dan 30 Jun 2017 masing-masing berjumlah RM3,258.61 juta, RM3,051.20 juta dan RM3,194.19 juta. Perincian adalah seperti di jadual berikut :-

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN			
	30.06.2017	31.12.2016	31.12.2015
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Wang Awam			
Wang Tunai	208.80	50.32	234.95
Pelaburan	2,985.39	3,000.88	3,023.66
	3,194.19	3,051.20	3,258.61
<i>Dipegang Bagi :</i>			
Kumpulan Wang Disatukan			
Akaun Hasil Disatukan	2,087.60	1,450.92	1,595.58
Akaun Pinjaman Disatukan	15.74	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	1,090.85	1,600.28	1,663.03
	3,194.19	3,051.20	3,258.61

- b) Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). GST yang dikenakan adalah bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah GST yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh sepanjang tahun 2016 berjumlah **RM96,113,516.71**. Ia melibatkan perbelanjaan yang melibatkan pembelian terus, sebut harga, tender & MARRIS. Inflasi sememangnya berlaku akibat kenaikan harga barang dan perkhidmatan akibat faktor-faktor ekonomi semasa. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sentiasa mengawal perbelanjaan dan meningkatkan hasil melalui Kawalan perbelanjaan berhemah.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa mengawal perbelanjaan dan peruntukan yang diluluskan agar dibelanjakan dengan betul dan mengikut peraturan agar tiada program yang dilaksanakan tergendala atau tidak mematuhi spesifikasi yang menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan. Projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun yang berkenaan harus dimaklumkan kepada Perbendaharaan Negeri sebagai Langkah kawalan. Semua Projek-projek yang diluluskan harus disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga telah menggariskan langkah-langkah penjimatan kepada setiap jabatan dengan menetapkan syiling dan memotong perbelanjaan yang tidak perlu untuk meningkat rezab sedia ada. Pengurusan dan langkah-langkah proaktif mengutip hasil tertunggak juga sedang digiatkan agar ABT kerajaan negeri terus dikurangkan dan dikutip sepenuhnya. Dengan ini Perancangan Hasil dan belanja dapat di pantau dan mengikut perancangan belanjawan yang diluluskan.

Langkah- langkah Penjimatan Perbelanjaan:

Bagi memastikan kemampuan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, pengurusan perbelanjaan wang awam sentiasa diberi penekanan berhubung prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban, justeru perbelanjaan yang dibuat adalah secara optimum dan “*value for money*”. Oleh yang demikian, beberapa pekeliling serta surat arahan telah pun dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor yang jelas menggariskan langkah-langkah penjimatan seperti Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2013- Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat, serta surat arahan untuk mengguna pakai PB3.3 (dipinda kepada PB3.1) -Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Di antara langkah-langkah penjimatan perbelanjaan yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

1. Kawalan dalam perbelanjaan bertugas ke luar negara apabila perjalanan bertugas rasmi ke luar negara dihadkan kepada persidangan, mesyuarat antarabangsa atau mesyuarat di antara Kerajaan yang penting sahaja serta bilangan delegasi dihadkan mengikut keperluan, tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
2. Pembekuan sementara bagi pewujudan baru perjawatan kontrak;
3. Variation Order tidak dibenarkan tanpa pengesahan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan tertakluk kepada perkara-perkara yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2017;
4. Semua program/kursus/bengkel/mesyuarat di galakkan untuk diadakan di premis milik kerajaan dan sekiranya perlu dibuat di hotel, ia perlu dibuat secara sederhana dan dalam Negeri Selangor sahaja. Pelaksanaan program/kursus/bengkel/ mesyuarat di luar Negeri Selangor dihadkan kepada Bengkel Sasaran Kerja Tahunan dan Pelan Strategik Jabatan (maksimum sekali setahun bagi setiap bengkel) dan memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

Langkah-Langkah Meningkatkan Kutipan Hasil

1. Kerajaan Negeri memantau kutipan hasil melalui mesyuarat jawatankuasa yang dilaksanakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) iaitu :
 - (i) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor bersama Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) dan semua 9 Pejabat Daerah / Tanah Negeri Selangor (PDT);

- (ii) Mesyuarat Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri Selangor;
 - (iii) Mesyuarat Berhubung Hasil Cukai Hiburan Bersama Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - (iv) Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan hasil-hasil baru bersama Pejabat Pemungut Hasil Negeri.
2. Langkah - langkah yang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan Hasil Cukai untuk kutipan cukai tanah adalah :
- (i) **Ops Kutip Ke Atas Penunggak Tegar** –dilaksanakan dua fasa, iaitu sebelum 31 Mei dan fasa kedua selepas 31 Mei setiap tahun.
 - (ii) **Kaunter Kutipan Hasil Cukai Tanah Bergerak** – Menggunakan van khas dilengkapi dengan mesin kad debit atau kad kredit. Laporan kutipan Kaunter Hasil Bergerak dilaporkan oleh PDT ke dalam Jawatankuasa Pemantauan Hasil.
 - (iii) **Iklan Meningkatkan kesedaran Bayaran Cukai Tanah** pada bulan April dan Mei 2017 di surat khabar Sinar Harian, The Star, Sin Chiew Daily, Malaysia Namban dan Selangor Kini. Manakala, iklan komersial telah disiarkan di Astro Awani, Astro Ria, Radio Sinar FM, Radio Era FM dan melalui blog media sosial Siakap Keli dan Oh Bulan.
 - (iv) **Bengkel Menyelesaikan Tunggakan Cukai Tanah Hakmilik Bermasalah** – PNS dengan kerjasama PTGS telah mengadakan bengkel penyelesaian hakmilik bermasalah iaitu Bengkel Hakmilik Belum Dibatalkan dan Hakmilik Bertindih untuk menyediakan draf SOP.
 - (v) **Focus Group Penyelesaian Hakmilik Bermasalah Bertunggakan** – PTGS telah mewujudkan *Focus Group* Penyelesaian Hakmilik Bermasalah Bertunggakan yang berhadapan dengan isu teknikal tanah. *Focus Group* ini membuat siasatan bersama PDT bagi menyelesaikannya masalah secara kes demi kes.
 - (vi) **Program One Stop Center (OSC)** adalah program PDT dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bersama penduduk untuk urusan pindah milik dan kutipan cukai tanah.
 - (vii) **Melaksanakan Pindaan Cukai Tanah (PCT) 2017** – PTGS telah melaksanakan PCT berkuatkuasa pada 1 Januari 2017 selaras dengan KTN yang memberi kuasa kepada PBN untuk menyemak semula kadar cukai tanah setiap 10 tahun sekali.

- (viii) **Mengenakan Cukai Petak Bagi Pembangunan Berstrata** – Pelaksanaan cukai petak dijangka akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016).
3. Langkah - langkah yang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan Hasil Cukai selain cukai tanah adalah :
- (i) **Menguatkuasakan Akta Duti Hiburan 1953.** Duti Hiburan dikenakan ke atas setiap tiket masuk ke Taman Tema, Perlumbaan Kenderaan Bermotor / Motosikal dan Konsert. Kerajaan Negeri mempertimbangkan secara 'case by case basis' untuk permohonan pelanjutan tempoh dan pengecualian Duti Hiburan kepada mana-mana aktiviti hiburan.
 - (ii) **Mengenakan Bayaran Royalti, Premium dan Ses bagi Pengeluaran Kayu Getah Dan Palma oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.** Berdasarkan kepada keputusan Majlis Perhutanan Negara, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dibenarkan untuk membuat kutipan royalti bagi kayu palma, pokok kelapa, dan kayu getah berkuatkuasa pada tahun 1 Januari 2017.
4. Langkah - langkah yang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan Hasil Bukan Cukai adalah :
- (i) **Pelaksanaan Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Tender Terbuka** – Kerajaan Negeri telah bersetuju Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Tender Terbuka digunapakai oleh PDT di Negeri Selangor (Arahan PTGS Bil.3 / 2016).
 - (ii) **Melaksanakan Pajak Tanah Rizab Yang Telah Diwartakan** – PTGS melaksanakan pajakan tanah rizab yang telah diwartakan dan tidak digunakan di bawah Seksyen 63, Kanun Tanah Negara bagi membolehkan pemohon mengusahakan tanah tersebut bagi maksud tertentu yang diluluskan Pihak Berkuasa Negeri bagi tempoh tertentu. Kerajaan Negeri akan memperoleh hasil melalui bayaran cukai tanah tahunan.
 - (iii) **Menuntut Bayaran Premium Tanah bagi tapak komersial di laluan lebuhraya daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)** – Mesyuarat MKewN 2016 telah memutuskan supaya diadakan perbincangan lanjut. Perbincangan telah diadakan pada 10 April 2017 yang dianggotai oleh pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), Perbendaharaan Negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, sembilan (9) Pejabat Daerah Tanah Negeri Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian (JKPTG), Jabatan

Perkhidmatan Penilaian Harta (JPPH). Kesimpulannya, mesyuarat bersetuju isu-isu teknikal dan penilaian perlu diselaraskan sebelum diangkat ke Mesyuarat MKewN bagi keputusan muktamad. Mesyuarat juga berpandangan lot-lot komersil tanah lebuhraya ini perlu diberikan hakmilik dengan syarat '*premium express condition*' daripada pertanian kepada komersil dan dapat diselesaikan bagi maksud hasil kepada Kerajaan Negeri yang terlibat.

- (iv) **Cadangan mengenakan Caj Khusus Penginapan Di Hotel (Fi Warisan)** – Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang mengadakan bengkel susulan bersama-sama dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang.
- (v) **Meningkatkan penguatkuasaan ke atas bahan batuan pasir** oleh pihak PTGS dan PDT dengan memperkenalkan Sistem e-Doket Bahan Batuan yang memantau pengeluaran pasir untuk mengelakkan ketirisan hasil pasir.
- (vi) **Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri Selangor** membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien, di samping memberi pulangan faedah yang optimum.
- (vii) **Menaikkan Kadar Sewa Menara Telekomunikasi di Tanah Milik Kerajaan Negeri** – Sewa Menara Telekomunikasi di atas tanah milik Kerajaan Negeri Selangor dikutip oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) telah dinaikkan kadar dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.